KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

HURAIAN SUKATAN PELAJARAN
KURIKULUM BERSEPADU SEKOLAH MENENGAH

GEOGRAFI

TINGKATAN 2

PUSAT PERKEMBANGAN KURIKULUM
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

OBJEKTIF MATA PELAJARAN GEOGRAFI TINGKATAN 2

Kurikulum Geografi Tingkatan 2 membolehkan murid:

1. menentukan kedudukan berpandukan latitud, longitud, bearing sudutan, skala lurus dan jarak di atas peta.

2. memerhati, mengukur, mengira, merekod, mengelas, mentafsir dan membuat rumusan tentang ciri-ciri geografi melalui Kajian Geografi Tempatan

3. memperoleh kemahiran membaca, melukis dan mentafsir ciri-ciri geografi berasaskan jadual, graf bar berganda, graf garisan berganda, pelan dan peta lakar.

4. menyata dan menjelaskan ciri-ciri geografi yang istimewa dalam dinamik penduduk, petempatan dan perkembangannya serta pengangkutan dan perhubungan.

5. menyatakan saling kaitan antara manusia dengan alam sekitar.

6. menjelaskan kesan kegiatan manusia terhadap alam sekitar dan pentingnya menghargai serta menguruskannya dengan bertanggungjawab dan bijaksana.

7. menjelaskan saling kaitan dan saling bergantung antara negara Malaysia dengan negara-negara lain dalam dinamik penduduk, petempatan dan perkembangannya serta pengangkutan dan perhubungan.

8. menyedari dan menghargai persamaan dan kelainan dalam dinamik penduduk, petempatan dan perkembangannya serta pengangkutan dan perhubungan.

9. bersyukur dengan pelbagai anugerah Tuhan.

10. mempunyai semangat patriotik terhadap negara Malaysia.

BAHAGIAN A: KEMAHIRAN GEOGRAFI

Kemahiran Geografi yang dipelajari di Tingkatan 1 dipertingkatkan lagi di Tingkatan 2. Bahagian ini bertujuan untuk membolehkan murid menghubungkaitkan aspek kedudukan, arah, skala dan jarak dalam organisasi ruangan.

Kandungannya tertumpu kepada pemerolehan kemahiran menggunakan kompas, alat ukur, atlas dan glob. Selain itu, kemahiran berkaitan dengan cara menyampaikan maklumat berbentuk grafik seperti jadual, graf, rajah dan peta juga ditegaskan untuk membuat generalisasi tentang taburan, pola dan saling kaitan antara kegiatan manusia dengan alam sekitar.

Pembelajaran kemahiran yang berkaitan dengan kedudukan, arah, skala dan jarak hendaklah dijalankan melalui kerja lapangan. Murid boleh menggunakan persekitarannya sebagai asas pembelajaran. Kemahiran-kemahiran seperti memerhati, mengukur, merekod, melakar peta, melukis dan mentafsir jadual, graf, rajah dan peta dilaksanakan.

Aplikasi kemahiran-kemahiran tersebut perlu sentiasa dilaksanakan dalam Kajian Geografi Fizikal dan Manusia dan dalam Kajian Geografi Tempatan.

Penggunaan atlas dan penekanan terhadap unsur-unsur patriotisme adalah digalakkan semasa pengajaran dan pembelajaran Geografi.

BAHAGIAN A: KEMAHIRAN GEOGRAFI

TAJUK	KONSEP	HASIL PEMBELAJARAN	UNSUR PATRIOTISME	CADANGAN AKTIVITI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN
1. Kedudukan	Kedudukan Garisan Tarikh Antarabangsa (GTA) **Garisan Meridian** Pangkal (GMP)	**Memahami kedudukan sesuatu tempat berdasarkan latitud dan longitud serta mengenal zon waktu.** **Aras 1** • Mengenal latitud dan longitud • Menyatakan kedudukan sesuatu tempat berasaskan latitud dan longitud. • Mengenal zon waktu di atas peta dunia. • Mentakrifkan waktu tempatan dan waktu piawai. **Aras 2** • Menentukan kedudukan sesuatu tempat dengan menggunakan latitud dan longitud. **Aras 3** • Mengira waktu tempatan berasaskan kedudukan longitud.		Menunjuk cara: - menentukan kedudukan latitud dan longitud pada glob. - menentukan kedudukan latitud dan longitud berdasarkan peta. - menentukan kedudukan sesuatu tempat berdasarkan titik persilangan. Menentukan kedudukan latitud dan longitud secara berkumpulan pada glob.

TAJUK	KONSEP	HASIL PEMBELAJARAN	UNSUR PATRIOTISME	CADANGAN AKTIVITI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN
2. Arah	Arah	**Menentukan arah dengan menggunakan bearing sudutan.** **Aras 1** • Menyatakan bearing sudutan. • Mengukur bearing sudutan.		Menunjuk cara mengukur bearing sudutan dengan menggunakan jangka sudut.
3. Skala dan Jarak	Jarak Skala lurus	**Mengenal skala dan jarak.** **Aras 1** • Mengukur jarak di antara dua tempat di atas peta dengan menggunakan skala lurus. • Menukar jarak di atas peta kepada jarak sebenar dengan menggunakan skala lurus. **Aras 2** • Menukar jarak dilapangan kepada jarak di atas peta dengan menggunakan skala lurus.		Menunjuk cara: - mengukur jarak lurus antara dua tempat (x dan y). - menukar jarak pada peta kepada jarak sebenar mengikut skala peta. - menukar skala sebenar (bilik darjah) kepada skala yang lebih kecil (contoh 1cm mew akili 1m). Mengadakan aktiviti kumpulan untuk: - mengukur jarak dan melukis pelan kaw asan sekolah. - Mengukur jarak dan melukis pelan laluan murid dari rumah ke sekolah.

TAJUK	KONSEP	HASIL PEMBELAJARAN	UNSUR PATRIOTISME	CADANGAN AKTIVITI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN
4. Graf	Pola Taburan	**Menyusun maklumat dan data dalam bentuk jadual dan melukis graf berganda.** **Aras 1** • Mengumpul dan merekod maklumat dan data. • Menyusun maklumat dan data dalam bentuk jadual. **Aras 2** • Melukis graf bar berganda dan graf garisan berganda berdasarkan jadual dengan menggunakan label dan petunjuk yang betul. **Aras 3** • Mentafsir jadual, graf bar berganda dan graf garisan berganda.		Menunjuk cara mendapatkan maklumat dan data seperti: - bilangan ahli rumah sukan murid mengikut jantina dalam kelas. Menunjuk cara membina jadual dan melukis graf. Penggunaan komputer digalakkan. Menunjuk cara mentafsir jadual, graf bar berganda dan graf garisan berganda. Menghasilkan buku skrap pelbagai jadual dan graf.

TAJUK	KONSEP	HASIL PEMBELAJARAN	UNSUR PATRIOTISME	CADANGAN AKTIVITI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN
5. Rajah		**Mengaplikasi maklumat dalam bentuk rajah.** **Aras 1** • Mengumpul maklumat. • Melukis dan melabel rajah berdasarkan maklumat. **Aras 2** • Mentafsir rajah.		Membincangkan teknik-teknik melukis rajah seperti: - peta minda - kitaran Penggunaan komputer digalakkan. Menghasilkan buku skrap pelbagai bentuk rajah.

TAJUK	KONSEP	HASIL PEMBELAJARAN	UNSUR PATRIOTISME	CADANGAN AKTIVITI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN

6. Peta	Pola
	Saling kaitan
		Mengenal ciri-ciri fizikal dan budaya dalam peta bergambar (peta pelancongan).
		
		Aras 1
		
		• Mengenal pasti ciri-ciri fizikal dan budaya berdasarkan peta bergambar (peta pelancongan):
		  • tempat bersejarah
		  • tempat rekreasi
		  • pusat membeli-belah
		  • kemudahan penginapan
		  • kemudahan pengangkutan
		
		• Menyatakan kedudukan dan taburan ciri-ciri geografi yang diperhatikan dalam peta bergambar.
		
		Aras 2
		• Mengelaskan simbol-simbol yang mewakili ciri-ciri fizikal dan budaya dalam peta bergambar.
		
		Aras 3
		• Mentafsir peta bergambar.
			* Mencintai negara Malaysia
			- berbangga terhadap kepelbagaian pandang darat fizikal dan budaya negara Malaysia.
				Menunjuk cara untuk menentukan kedudukan dan taburan ciri-ciri fizikal dan budaya pada peta bergambar (peta pelancongan).
				
				Mengadakan aktiviti kumpulan untuk mengenal pasti ciri-ciri fizikal dan budaya dalam peta bergambar (peta pelancongan).
				
				Melengkapkan pengurusan grafik tentang ciri-ciri fizikal dan budaya daripada peta bergambar (peta pelancongan).

BAHAGIAN B: GEOGRAFI FIZIKAL DAN MANUSIA

Kajian mendalam dijalankan mengenai saling kaitan dan interaksi antara aspek kemanusiaan dengan aspek fizikal untuk memberi gambaran tentang bumi sebagai ruang kediaman dan kegiatan manusia.

Tumpuan kajian diberi terhadap aspek-aspek interaksi ruangan daripada aspek pola, taburan dan perubahan yang wujud. Isu-isu yang timbul akibat interaksi itu juga diutamakan. Kandungan juga menekankan kajian mengenai pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar bagi menjamin penggunaan sumber alam dan kualiti hidup yang sempurna.

Kajian Geografi Fizikal dan Manusia berasaskan tiga tema iaitu Dinamik Penduduk, Petempatan dan Perkembangannya serta Pengangkutan dan Perhubungan. Tumpuan kajian untuk melihat interaksi antara manusia dengan alam sekitar. Skala kajian berfokuskan negara Malaysia dan perbandingan dengan negara lain dilakukan untuk melihat ciri-ciri persamaan dan kelainan yang wujud dalam aspek-aspek tertentu.

Kemahiran Geografi perlu diserapkan dalam pengajaran dan pembelajaran untuk mengukuhkan persepsi murid terhadap interaksi ruangan.

Unsur-unsur patriotisme diberi penekanan dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

TEMA 4: DINAMIK PENDUDUK

TAJUK	KONSEP	HASIL PEMBELAJARAN	UNSUR PATRIOTISME	CADANGAN AKTIVITI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN
4.1 Taburan penduduk	Kepadatan Taburan	**Mengenal pasti taburan penduduk negara Malaysia dan faktor-faktor yang mempengaruhi taburannya.** **Aras 1** • Mengenal pasti taburan penduduk negara Malaysia: • padat • sederhana • jarang • Menyenaraikan faktor-faktor yang mempengaruhi taburan penduduk negara Malaysia. **Aras 2** • Menghuraikan faktor-faktor yang mempengaruhi taburan penduduk negara Malaysia.	* Bersatu dalam kepelbagaian - berbangga dengan perpaduan penduduk negara Malaysia dan bertanggung-jawab untuk mengekalkannya	Membincangkan taburan penduduk negara Malaysia melalui peta. Menghasilkan peta minda tentang faktor-faktor yang mempengaruhi taburan penduduk negara Malaysia. Mengadakan aktiviti kumpulan untuk mengumpul maklumat taburan penduduk negara Malaysia daripada pelbagai media seperti bahan bercetak dan internet. Menghasilkan model tentang taburan penduduk negara Malaysia.

TAJUK	KONSEP	HASIL PEMBELAJARAN	UNSUR PATRIOTISME	CADANGAN AKTIVITI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN

4.2 Perubahan penduduk	Kadar kelahiran
	Kadar kematian
	Migrasi
		Memahami perubahan penduduk negara Malaysia dan faktor-faktor yang mempengaruhinya.
		
		Aras 1
		
		• Mendefinisikan perubahan penduduk.
		
		• Menyenaraikan faktor-faktor yang mempengaruhi:
		  • kadar kelahiran
		  • kadar kematian
		  • migrasi
		
		Aras 2
		
		• Menghuraikan faktor-faktor yang mempengaruhi:
		• kadar kelahiran
		• kadar kematian
		• migrasi
				Simulasi tentang perubahan penduduk.
				
				Menghasilkan peta minda tentang faktor-faktor yang mempengaruhi perubahan penduduk.
				
				Meramalkan perubahan penduduk negara Malaysia pada masa depan.

TAJUK	KONSEP	HASIL PEMBELAJARAN	UNSUR PATRIOTISME	CADANGAN AKTIVITI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN
4.3 Migrasi penduduk sebagai tindak balas terhadap faktor ekonomi, politik (governan), sosial dan fizikal		**Aras 3** • Merumus tentang perubahan penduduk negara Malaysia pada masa depan berdasarkan: • kadar kelahiran • kadar kematian • migrasi **Memahami migrasi penduduk negara Malaysia dan faktor-faktor yang mempengaruhinya.** **Aras 1** • Menerangkan migrasi penduduk. • Menerangkan pola migrasi penduduk • Menyenaraikan faktor-faktor yang mempengaruhi migrasi penduduk: • luar bandar ke bandar • luar bandar ke luar bandar	* Berusaha membangunkan negara Malaysia - bertanggung-jawab dan bersedia memberi sumbangan terhadap pembangunan negara Malaysia.	Sumbang saran faktor-faktor yang mempengaruhi migrasi penduduk. Menghasilkan peta minda tentang faktor-faktor yang mempengaruhi migrasi penduduk. Syarahan tentang migrasi penduduk.

TAJUK	KONSEP	HASIL PEMBELAJARAN	UNSUR PATRIOTISME	CADANGAN AKTIVITI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN
		Contoh: ekonomi - pekerjaan - kadar upah politik - kestabilan dasar (governan) polisi kerajaan sosial - kemudahan asas - pendidikan - keluarga fizikal - bencana alam **Aras 2** • Menghuraikan faktor-faktor yang mempengaruhi migrasi penduduk.		

TAJUK	KONSEP	HASIL PEMBELAJARAN	UNSUR PATRIOTISME	CADANGAN AKTIVITI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN
4.4 Kesan perubahan penduduk terhadap alam sekitar		**Memahami kesan-kesan perubahan penduduk terhadap alam sekitar.** **Aras 1** • Menyenaraikan kesan-kesan penduduk terhadap penerokaan sumber: • Tanih • Hutan • Air **Aras 2** • Menghuraikan dengan contoh kesan-kesan perubahan penduduk terhadap penerokaan sumber. **Aras 3** • Mencadangkan langkah-langkah penerokaan sumber secara terancang.		Mengumpul maklumat tentang kesan perubahan penduduk terhadap alam sekitar daripada pelbagai media seperti akhbar, majalah dan internet. Melukis rajah tentang kesan-kesan perubahan penduduk terhadap alam sekitar. Mengadakan tayangan video tentang pengurusan alam sekitar.

TAJUK	KONSEP	HASIL PEMBELAJARAN	UNSUR PATRIOTISME	CADANGAN AKTIVITI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN
4.5 Hubungan kependudukan dengan sumber	Penduduk berlebihan kurang penduduk dan penduduk optimum	**Memahami hubungan kependudukan dengan sumber serta implikasinya.** **Aras 1** • Mentakrifkan konsep penduduk berlebihan, kurang penduduk dan penduduk optimum. • Menyenaraikan ciri dan contoh: • penduduk berlebihan • kurang penduduk • Menyatakan kesan penduduk berlebihan dan kurang penduduk terhadap sumber untuk memenuhi keperluan kependudukan: • makanan • tempat tinggal • pekerjaan • pendidikan • perubatan • kemudahan asas	* Mencintai negara Malaysia. - bertanggungjawab dan bersama-sama menyelesaikan masalah kependudukan demi kesejahteraan negara Malaysia.	Menghasilkan peta minda tentang ciri penduduk berlebihan dan kurang penduduk Membincangkan ciri-ciri : - lebihan penduduk - kurang penduduk - penduduk optimum

TAJUK	KONSEP	HASIL PEMBELAJARAN	UNSUR PATRIOTISME	CADANGAN AKTIVITI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN

		Aras 2
		
		• Menghuraikan ciri berserta contoh:
		  • penduduk berlebihan (Bangladesh)
		  • kurang penduduk (Kanada)
		
		• Menjelaskan kesan penduduk berlebihan dan kurang penduduk terhadap sumber untuk memenuhi keperluan kependudukan:
		
		  • makanan
		  • tempat tinggal
		  • pekerjaan
		  • pendidikan
		  • perubatan
		  • kemudahan asas		

TEMA 5: PETEMPATAN DAN PERKEMBANGANNYA

TAJUK	KONSEP	HASIL PEMBELAJARAN	UNSUR PATRIOTISME	CADANGAN AKTIVITI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN

5.1 Petempatan awal	Kedudukan	**Memahami petempatan awal dan faktor-faktor yang mempengaruhinya.**
		
		Aras 1
		
		• Menyatakan lokasi petempatan awal:
		  • pinggir pantai, delta dan muara sungai
		  • pinggir sungai
		  • bukit/gua
		  • tanah pamah
		
		• Menyenaraikan faktor-faktor yang mempengaruhi petempatan awal.
		
		Aras 2
		
		• Menghuraikan faktor-faktor yang mempengaruhi petempatan awal:
		  • fizikal
		  • keperluan asas
				Mengumpul maklumat tentang lokasi petempatan awal daripada pelbagai media seperti akhbar, bahan bercetak dan internet.
				
				Melengkapkan pengurusan grafik tentang faktor-faktor yang mempengaruhi petempatan awal.

TAJUK	KONSEP	HASIL PEMBELAJARAN	UNSUR PATRIOTISME	CADANGAN AKTIVITI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN

5.2 Faktor yang mempengaruhi petempatan		**Memahami faktor-faktor yang mempengaruhi petempatan negara Malaysia.**
		
		Aras 1
		
		• Menyenaraikan faktor-faktor yang mempengaruhi petempatan negara Malaysia:
		  • sejarah
		  • fizikal
		  • ekonomi
		  • sosial
		  • politik (governan)
		
		Aras 2
		
		• Menjelaskan faktor-faktor yang mempengaruhi petempatan negara Malaysia:
		  • sejarah
		  • fizikal
		  • ekonomi
		  • sosial
		  • politik (governan)
			* Berusaha membangunkan negara Malaysia
			- menghargai peranan kerajaan dalam mempengaruhi petempatan negara Malaysia.
				Membincangkan faktor-faktor yang mempengaruhi petempatan negara Malaysia.
				
				Menghasilkan peta minda tentang faktor-faktor yang mempengaruhi petempatan negara Malaysia.
				
				Menghasilkan buku skrap tentang faktor-faktor yang mempengaruhi petempatan negara Malaysia.
				
				Syarahan tentang faktor-faktor yang mempengaruhi petempatan negara Malaysia.
				
				Sumbang saran tentang peranan kerajaan dalam mempengaruhi petempatan negara Malaysia.
				
				Mengadakan aktiviti kumpulan untuk menghasilkan model tentang:
				- projek perumahan
				- bandar baru
				- rancangan kemajuan tanah

TAJUK	KONSEP	HASIL PEMBELAJARAN	UNSUR PATRIOTISME	CADANGAN AKTIVITI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN

		Aras 3
		
		• Merumus tentang peranan kerajaan mempengaruhi petempatan negara Malaysia seperti:
		  • projek perumahan
		  • bandar baru
		  • rancangan kemajuan tanah		

5.3 Pola-pola petempatan	Pola	**Memahami pelbagai pola petempatan negara Malaysia.**
		
		Aras 1
		• Menyenaraikan pelbagai pola petempatan negara Malaysia:
		  • berselerak
		  • berjajar
		  • berpusat
		  • berkelompok
		
		• Menyatakan ciri-ciri pola petempatan negara Malaysia:
		  • berselerak
		  • berjajar
		  • berpusat
		  • berkelompok
				Mengumpul gambar tentang pola petempatan.
				
				Menghasilkan model tentang pola petempatan negara Malaysia.
				
				Mengelaskan tentang ciri-ciri pola petempatan negara Malaysia.
				
				Melengkapkan pengurusan grafik tentang pola-pola petempatan negara Malaysia.

TAJUK	KONSEP	HASIL PEMBELAJARAN	UNSUR PATRIOTISME	CADANGAN AKTIVITI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN

		Aras 2
		
		• Menjelaskan dengan contoh ciri-ciri pola petempatan negara Malaysia:
		  • berselerak
		  • berjajar
		  • berpusat
		  • berkelompok
		
		Aras 3
		
		• Membandingkan dan membezakan pola petempatan negara Malaysia:
		  • berselerak
		  • berjajar
		  • berpusat
		  • berkelompok		

TAJUK	KONSEP	HASIL PEMBELAJARAN	UNSUR PATRIOTISME	CADANGAN AKTIVITI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN

5.4 Fungsi petempatan luar bandar dan bandar		Memahami fungsi petempatan negara Malaysia.
		
		Aras 1
		
		• Menyenaraikan fungsi petempatan negara Malaysia dari segi ekonomi seperti:
		  • perniagaan
		  • perdagangan
		  • pelabuhan
		  • perindustrian
		  • pertanian
		  • pelancongan
		• Menyenaraikan fungsi petempatan negara Malaysia dari segi sosial seperti:
		  • pendidikan
		  • perhubungan dan pengangkutan
		
		• Menyenaraikan fungsi petempatan negara Malaysia dari segi politik (governan) seperti:
		  • pusat pentadbiran
			* Berusaha membangunkan negara Malaysia
			  - bertanggungjawab dan berkeupayaan membangunkan petempatan negara Malaysia.
				Membincangkan fungsi petempatan negara Malaysia dari segi ekonomi, sosial dan politik (governan).
				
				Mengumpul maklumat dan gambar tentang petempatan negara Malaysia daripada pelbagai media seperti bahan bercetak dan internet.
				
				Melengkapkan pengurusan grafik tentang persamaan dan perbezaan petempatan luar bandar dan petempatan bandar.
				
				Menghasilkan peta minda tentang fungsi-fungsi petempatan luar bandar dan petempatan bandar.

TAJUK	KONSEP	HASIL PEMBELAJARAN	UNSUR PATRIOTISME	CADANGAN AKTIVITI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN

		Aras 2
		
		• Menghuraikan fungsi petempatan negara Malaysia dari segi:
		  • ekonomi
		  • sosial
		  • politik (governan)
		
		• Menjelaskan dengan contoh fungsi:
		  • petempatan luar bandar
		  • petempatan bandar
		
		Aras 3
		
		• Membandingkan dan membezakan fungsi-fungsi petempatan luar bandar dan petempatan bandar.		

TAJUK	KONSEP	HASIL PEMBELAJARAN	UNSUR PATRIOTISME	CADANGAN AKTIVITI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN

5.5 Pembandaran	Pembandaran
	
	Negara membangun
	
	Negara maju
		Memahami proses pembandaran negara Malaysia.
		
		Aras 1
		• Menerangkan proses pembandaran.
		  • saiz penduduk
		  • kegiatan ekonomi
		  • kemudahan asas
		
		• Menyenaraikan faktor-faktor yang mempengaruhi pembandaran negara Malaysia:
		  • dasar kerajaan
		  • peluang pekerjaan
		  • migrasi
		
		• Menyatakan kesan pembandaran negara Malaysia.
		
		• Menyenaraikan langkah-langkah untuk mengurangkan masalah pembandaran negara Malaysia.
			* Berusaha membangunkan negara Malaysia
			- berbangga dan bersyukur terhadap tahap kemajuan pembandaran negara Malaysia.
				Membincangkan faktor-faktor yang mempengaruhi proses pembandaran.
				
				Menghasilkan peta minda ciri-ciri pembandaran negara Malaysia.
				
				Pidato spontan tentang proses pembandaran negara Malaysia.
				
				Membincangkan kesan-kesan pembandaran negara Malaysia, contoh kesan positif:
				- peluang pekerjaan
				- infrastruktur
				
				Membincangkan kesan-kesan pembandaran negara Malaysia, contoh kesan negatif:
				- kesesakan lalu lintas
				- kekurangan tempat tinggal
				- pencemaran udara

TAJUK	KONSEP	HASIL PEMBELAJARAN	UNSUR PATRIOTISME	CADANGAN AKTIVITI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN

		Aras 2
		• Menghuraikan ciri-ciri pembandaran negara Malaysia:
		  • saiz penduduk
		  • kegiatan ekonomi
		  • kemudahan asas
				Sumbang saran langkah-langkah untuk mengurangkan masalah pembandaran.

		• Menjelaskan faktor-faktor yang mempengaruhi pembandaran negara Malaysia:
		  • dasar kerajaan
		  • peluang pekerjaan
		  • migrasi
		
		• Menghuraikan kesan-kesan pembandaran negara Malaysia:
		  • positif
		  • negatif
		
		• Menghuraikan langkah-langkah untuk mengatasi masalah pembandaran negara Malaysia.
		
		• Menghuraikan kesan-kesan pembandaran di negara lain:
		  •Bangkok (Thailand)
		  •Tokyo (Jepun)
				Mengumpul maklumat tentang proses pembandaran daripada pelbagai media seperti bahan bercetak dan internet.
				
				Perbincangan secara kumpulan tentang kesan-kesan pembandaran di Kuala Lumpur dengan:
				- Bangkok
				- Tokyo

TEMA 6: PENGANGKUTAN DAN PERHUBUNGAN

TAJUK	KONSEP	HASIL PEMBELAJARAN	UNSUR PATRIOTISME	CADANGAN AKTIVITI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN
6.1 Keperluan pengangkutan dan perhubungan awal	Interaksi Ketersampaian	**Memahami keperluan pengangkutan dan perhubungan awal negara Malaysia.** **Aras 1** • Menyatakan cara pengangkutan dan perhubungan awal negara Malaysia. • Menyenaraikan keperluan pengangkutan dan perhubungan awal negara Malaysia. **Aras 2** • Menghuraikan keperluan pengangkutan dan perhubungan awal negara Malaysia.	* Mencintai negara Malaysia - berbangga dengan tahap kemajuan sistem pengangkutan dan perhubungan negara Malaysia.	Sumbang saran cara pengangkutan dan perhubungan awal negara Malaysia. Membincangkan keperluan pengangkutan dan perhubungan awal negara Malaysia. Mengumpul gambar tentang pengangkutan dan perhubungan awal negara Malaysia daripada pelbagai media seperti bahan bercetak dan internet. Menghasilkan buku skrap tentang pengangkutan dan perhubungan awal negara Malaysia. Mengadakan lawatan sambil belajar.

TAJUK	KONSEP	HASIL PEMBELAJARAN	UNSUR PATRIOTISME	CADANGAN AKTIVITI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN

6.2 Pekembangan pengangkutan dan perhubungan		**Memahami perkembangan pengangkutan dan perhubungan negara Malaysia.**
		
		Aras 1
		
		• Menyatakan perkembangan pengangkutan dan perhubungan negara Malaysia.
		  • darat
		  • air
		  • udara
		  • telekomunikasi
		
		Aras 2
		
		• Menghuraikan perkembangan sistem pengangkutan negara Malaysia.
		
		• Menghuraikan perkembangan sistem perhubungan negara Malaysia.
				Mengelaskan jenis pengangkutan dan perhubungan negara Malaysia.
				
				Mengkaji peta untuk melihat jaringan sistem pengangkutan negara Malaysia.
				
				Membincangkan perkembangan jaringan pengangkutan negara Malaysia seperti:
				- Lorong pejalan kaki
				- jalan raya
				- lebuh raya
				
				Membincangkan perkembangan sistem pengangkutan negara Malaysia seperti:
				- keretapi, komuter sistem transit aliran ringan (LRT), monorel.
				
				Membincangkan perkembangan sistem perhubungan dan teknologi maklumat dan komunikasi seperti:
				- pos, telegraf, telefon, faksimili, teleks dan internet.

TAJUK	KONSEP	HASIL PEMBELAJARAN	UNSUR PATRIOTISME	CADANGAN AKTIVITI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN
6.3 Faktor yang mempengaruhi jaringan pengangkutan dan perhubungan	Jaringan	**Memahami faktor-faktor yang mempengaruhi jaringan pengangkutan dan perhubungan negara Malaysia.** **Aras 1** • Menyenaraikan faktor-faktor yang mempengaruhi jaringan pengangkutan dan perhubungan negara Malaysia: •bentuk muka bumi •ekonomi •dasar kerajaan •kemajuan teknologi	* Mencintai negara Malaysia - Menghargai peranan kerajaan dalam mempengaruhi kemajuan pengangkutan dan perhubungan negara Malaysia	Mengumpul dan menyusun gambar mengenai pengangkutan dan perhubungan mengikut kronologi masa daripada pelbagai media seperti bahan bercetak dan internet. Sumbang saran tentang faktor-faktor yang mempengaruhi jaringan pengangkutan dan perhubungan negara Malaysia Mengadakan kuiz tentang faktor-faktor yang mempengaruhi jaringan pengangkutan dan perhubungan negara Malaysia.

TAJUK	KONSEP	HASIL PEMBELAJARAN	UNSUR PATRIOTISME	CADANGAN AKTIVITI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN

		Aras 2
		
		• Menjelaskan faktor-faktor yang mempengaruhi jaringan pengangkutan dan perhubungan negara Malaysia:
		  • bentuk muka bumi
		  • ekonomi
		  • dasar kerajaan
		  • kemajuan teknologi		

6.4 Kepentingan jaringan pengangkutan dan perhubungan	Integrasi
	Lingkungan
	pengaruh
		Memahami kepentingan jaringan pengangkutan dan perhubungan.
		
		Aras 1
		
		• Menyatakan kepentingan jaringan pengangkutan dan perhubungan terhadap pembangunan negara Malaysia:
		  • Ekonomi - perdagangan
		  • sosial - integrasi kawasan
		  • politik - keselamatan (governan)
			* Mempertahankan negara Malaysia
			  - bertanggungjawab menjaga kemudahan yang ada.
				Sumbang saran tentang kepentingan jaringan pengangkutan dan perhubungan terhadap pembangunan negara Malaysia.
				
				Mencari maklumat tentang kepentingan pengangkutan dan perhubungan negara Kanada daripada pelbagai media seperti akhbar, majalah dan internet.

TAJUK	KONSEP	HASIL PEMBELAJARAN	UNSUR PATRIOTISME	CADANGAN AKTIVITI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN

		Aras 2
		
		• Menghuraikan kepentingan jaringan pengangkutan dan perhubungan terhadap pembangunan negara Malaysia:
		  • Ekonomi - perdagangan
		  • Sosial - integrasi kawasan
		  • politik - keselamatan (governan)
		
		Aras 3
		
		• Membuat rumusan tentang kepentingan pengangkutan dan perhubungan negara Malaysia dan Kanada.
				Membincangkan kepentingan perkembangan teknologi maklumat dan komunikasi terhadap pembangunan negara Malaysia dan kaitannya dengan hubungan antarabangsa dengan berpandukan pelbagai media seperti bahan bercetak dan internet.
				
				Mengadakan aktiviti kumpulan untuk membuat perbandingan kepentingan pengangkutan dan perhubungan negara Malaysia dan Kanada.

TAJUK	KONSEP	HASIL PEMBELAJARAN	UNSUR PATRIOTISME	CADANGAN AKTIVITI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN
6.5 Kesan perkembangan pengangkutan dan perhubungan terhadap alam sekitar		**Memahami kesan perkembangan pengangkutan dan perhubungan terhadap alam sekitar negara Malaysia.** **Aras 1** • Menyenaraikan kesan-kesan perkembangan pengangkutan dan perhubungan terhadap alam sekitar negara Malaysia. • Menyatakan langkah-langkah mengurangkan kesan negatif perkembangan pengangkutan dan perhubungan ke atas alam sekitar negara Malaysia. **Aras 2** • Menjelaskan dengan contoh kesan perkembangan pengangkutan dan perhubungan terhadap alam sekitar negara Malaysia. • Menghuraikan contoh langkah-langkah mengurangkan kesan negatif perkembangan pengangkutan dan perhubungan ke atas alam sekitar negara Malaysia.	* Mencintai negara Malaysia - bertanggungjawab memelihara alam sekitar.	Mencari maklumat tentang kesan-kesan perkembangan pengangkutan dan perhubungan terhadap alam sekitar daripada pelbagai media seperti bahan bercetak dan internet. Membincangkan langkah-langkah mengurangkan kesan negatif perkembangan pengangkutan dan perhubungan ke atas alam sekitar negara Malaysia. Menghasilkan buku skrap mengenai kesan perkembangan pengangkutan dan perhubungan terhadap alam sekitar.

BAHAGIAN C: KAJIAN GEOGRAFI TEMPATAN

Bahagian ini memberi penegasan kepada kerja amali untuk menghubungkaitkan aspek-aspek geografi dalam organisasi ruangan. Kawasan persekitaran murid digunakan sebagai asas pengajaran dan pembelajaran untuk memahami beberapa aspek organisasi ruangan.

Keadaan saling berkait dan saling bergantung antara alam sekitar dengan manusia perlu dijelaskan. Semangat mencintai dan menghargai kawasan sendiri dapat disemai melalui pemahaman ciri-ciri istimewa yang wujud hasil daripada proses interaksi yang berlaku.

Dalam pengajaran dan pembelajaran Kajian Geografi Tempatan (KGT), tema-tema dalam Sukatan Pelajaran perlu dipelajari secara bersepadu. Kawasan kajian sama ada:

a) rumah dan persekitaran, atau
b) sekolah dan persekitaran, atau
c) mana-mana kawasan antara rumah dan sekolah.

Arahan Am

- Semua murid Tingkatan 2 **wajib** menjalankan KGT.
- KGT dijalankan setelah selesai Bahagian A dan mana-mana satu tema Bahagian B.
- Kerja lapangan boleh dijalankan secara individu atau berkumpulan tetapi laporan KGT hendaklah dibuat secara individu.
- KGT dijalankan mulai awal penggal kedua selama enam hingga lapan minggu.
- Kerja lapangan tidak menggunakan waktu pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah.
- Laporan KGT diberi penilaian dan markahnya dimasukkan dalam peperiksaan akhir tahun.
- Sekiranya kajian melibatkan temu bual, saiz sampel tidak melebihi 20 responden.
- Penggunaan Teknologi Maklumat dan Komunikasi dalam mencari maklumat dan penulisan laporan digalakkan.
- Panjang laporan **Hasil Kajian** tidak melebihi 250 patah perkataan.
- Laporan KGT hendaklah disediakan dalam kertas bersaiz A4.
- Laporan yang disediakan perlu menyentuh semua kriteria yang ditetapkan dalam format penulisan laporan.

Format penulisan laporan

1. Tajuk kajian
2. Senarai kandungan
3. Penghargaan
4. Pendahuluan
5. Objektif kajian
6. Kawasan kajian
7. Kaedah kajian
8. Hasil kajian
9. Rumusan
10. Rujukan
11. Lampiran

CADANGAN TAJUK-TAJUK KAJIAN GEOGRAFI TEMPATAN

TEMA 4: DINAMIK PENDUDUK

TAJUK	OBJEKTIF KAJIAN	UNSUR PATRIOTISME	PANDUAN MENJALANKAN KAJIAN GEOGRAFI TEMPATAN

Kaitan antara komposisi penduduk dengan jenis pekerjaan di kawasan kajian	• Memerhati dan mengkaji taburan dan komposisi penduduk di kawasan kajian.
	  • jantina
	  • kaum
	
	• Mengumpul maklumat jenis-jenis pekerjaan penduduk di kawasan kajian.
	
	• Merekod dan mempersembahkan maklumat dan data dalam bentuk:
	  • jadual
	  • graf
	  • peta lakar
	
	• Menyatakan kaitan antara komposisi penduduk dengan jenis pekerjaan.
		* Bersatu dalam kepelbagaian
		  - menghargai dan menghormati keharmonian dan kerjasama antara kaum di kawasan kajian.
			Menentukan lokasi kawasan kajian menggunakan peta lakar.
			
			Menjelaskan tentang komposisi penduduk dan jenis-jenis pekerjaan.
			
			Menunjuk cara memproses maklumat dan data mengikut kaedah yang sesuai.
			
			Membincangkan tentang penglibatan penduduk dalam sektor pekerjaan di kawasan kajian.
			
			Selain daripada tajuk yang diberikan, guru boleh memilih tajuk-tajuk yang berkaitan dengan dinamik penduduk contoh:
			- isu-isu semasa yang berkaitan dengan dinamik penduduk.

TEMA 5: PETEMPATAN DAN PERKEMBANGANNYA

TAJUK	OBJEKTIF KAJIAN	UNSUR PATRIOTISME	PANDUAN MENJALANKAN KAJIAN GEOGRAFI TEMPATAN

Kaitan antara fungsi petempatan dengan pembangunan di kawasan kajian	• Mengenal pasti dan mengkaji pola petempatan di kawasan kajian.
	
	• Mengenal pasti dan mengkaji fungsi petempatan dari segi:
	  • ekonomi
	  • pentadbiran
	  • sosial
	
	• Menyenaraikan faktor-faktor yang mempengaruhi fungsi petempatan di kawasan kajian.
	
	• Merekod dan mempersembahkan maklumat dan data dalam bentuk:
	  • jadual
	  • graf
	  • peta lakar
	
	• Merumus tentang kaitan antara fungsi petempatan dengan pembangunan di kawasan kajian.
		* Berusaha membangunkan negara Malaysia
		  - menghargai peranan kerajaan dalam mempengaruhi petempatan di kawasan kajian.
		
		  - berbangga dan bersyukur terhadap kemajuan petempatan di kawasan kajian.
			Menentukan lokasi kawasan kajian menggunakan peta lakar.
			
			Menerangkan aspek kajian:
			- lokasi
			- pola petempatan
			- fungsi petempatan
			
			Membincangkan faktor-faktor yang mempengaruhi fungsi petempatan:
			- kedudukan
			- bentuk muka bumi
			- dasar kerajaan
			Membimbing murid memproses maklumat dan data.
			Membincangkan tentang kaitan antara fungsi petempatan dengan pembangunan di kawasan kajian.
			Selain daripada tajuk yang diberikan, guru boleh memilih tajuk-tajuk yang berkaitan dengan petempatan dan perkembangannya contoh:
			- isu-isu semasa yang berkaitan dengan petempatan dan perkembangan.

TEMA 6: PENGANGKUTAN DAN PERHUBUNGAN

TAJUK	OBJEKTIF KAJIAN	UNSUR PATRIOTISME	PANDUAN MENJALANKAN KAJIAN GEOGRAFI TEMPATAN

Kepentingan pengangkutan terhadap pembangunan kawasan kajian	• Mengenal pasti jenis-jenis pengangkutan di kawasan kajian.
	
	• Mengenal pasti satu jenis pengangkutan yang memainkan peranan penting dalam membangunkan kawasan kajian:
	  • ekonomi
	  • sosial
	
	• Mengkaji jenis pengangkutan yang dipilih daripada segi:
	  • kedudukan
	  • perkhidmatan
	  • kekerapan
	
	• Merekod dan mempersembahkan maklumat dan data dalam bentuk:
	  • jadual
	  • graf
	  • peta
	• Merumus tentang kepentingan jenis pengangkutan tersebut terhadap ekonomi dan sosial di kawasan kajian.
		* Mencintai negara Malaysia
		  - berbangga dengan tahap kemajuan sistem pengangkutan dan perhubungan di kawasan kajian.
			Menentukan lokasi kawasan kajian menggunakan peta lakar.
			
			Menerangkan aspek kajian seperti:
			- jenis pengangkutan
			- kepentingan pengangkutan
			
			Membincangkan:
			- kedudukan
			  menerangkan lokasi jaringan pengangkutan utama di kawasan kajian berdasarkan arah dan jarak menggunakan peta lakar.
			
			- perkhidmatan
			  menerangkan jenis-jenis perkhidmatan pengangkutan.
			
			- kekerapan
			  menerangkan kekerapan aliran kenderaan di kawasan kajian.
			
			Menunjuk cara memproses maklumat dan data mengikut kaedah yang sesuai.

TAJUK	OBJEKTIF KAJIAN	UNSUR PATRIOTISME	PANDUAN MENJALANKAN KAJIAN GEOGRAFI TEMPATAN
			Membincangkan kepentingan jenis pengangkutan terhadap pembangunan di kaw asan kajian. Selain daripada tajuk yang diberikan, guru boleh memilih tajuk-tajuk yang berkaitan dengan pengangkutan dan perhubungan contoh: – isu-isu semasa yang berkaitan dengan pengangkutan dan perhubungan.